



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

INISIATIF *ARTSCIENCE*[™] PEMACU UTAMA KEMAJUAN DAN MEMBUKA SEMPADAN BAHARU INOVASI

KUALA LUMPUR, 4 Julai 2023 – Inisiatif *ArtScience*[™] boleh menjadi pemacu utama kemajuan dan membuka sempadan baharu inovasi. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berharap Inisiatif *ArtScience*[™] akan menggalakkan masyarakat untuk melihat masalah daripada perspektif baharu dan menghasilkan penyelesaian bersifat insani dan inovatif.

Berucap di Majlis Pengumuman Pemenang ASM *ArtScience*[™] Prize 2022, Menteri MOSTI, YB Tuan Chang Lih Kang berkata, “Melalui *ArtScience*, kita dapat merangsang minda, memupuk rasa ingin tahu, dan memberi inspirasi kepada generasi pemikir kreatif dan penyelesaian masalah yang akan membentuk masa hadapan. Daripada perspektif pembudayaan, MOSTI berhasrat untuk mewujudkan ruang dimana artis dan saintis boleh bekerjasama dan berkongsi idea.”

Inisiatif *ArtScience*[™], yang dilancarkan pada tahun 2019, bertujuan untuk memupuk kreativiti terhadap penyatuan seni dan sains. ASM *ArtScience*[™] Prize ialah pertandingan dwitahunan yang menjemput peserta daripada pelbagai latar belakang untuk mencipta karya seni yang memperbaiki kehidupan manusia melalui pendekatan antara disiplin sains, teknologi dan seni. ASM *ArtScience*[™] Prize turut menjadi inisiatif yang pertama ditubuhkan di Malaysia bagi meraikan komuniti artis-saintis.

MOSTI percaya Inisiatif *ArtScience*[™] boleh membuat perubahan sebenar di Malaysia dengan mempertingkatkan apresiasi terhadap seni dan aplikasi sains. Ia boleh membantu untuk menangani cabaran yang mendesak seperti kesihatan planet dan keterjaminan makanan. Dengan penerimaan penyatuan seni dan sains, kita membuka kemungkinan baharu, membentuk masa depan yang cerah dan memberi inspirasi kepada generasi akan datang.

Tambah YB Tuan Chang Lih Kang, “Inisiatif *ArtScience*[™] diwujudkan untuk memupuk inovasi dan memberi inspirasi kepada penyelesaian terbaik kepada isu mendesak masyarakat dengan menggabungkan seni dan sains. Inisiatif ini mendorong perusahaan baharu dan pemula melangkaui disiplin tradisional, memperkasakan

mereka untuk meneroka sektor serta pelbagai kemungkinan baharu. Inisiatif ini juga bertujuan untuk membina rangkaian dan kerjasama antarabangsa yang kukuh, menggunakan kepakaran global untuk meningkatkan ekosistem ArtScience dan meningkatkan keterlihatan serta impaknya di Asia Tenggara.”

Menerusi ASM *ArtScience™ Prize* edisi 2022, 58 karya seni telah diterima daripada individu serta kumpulan. Karya seni tersebut dikategorikan kepada seni visual, seni berasaskan masa dan media baharu. Artis daripada pelbagai latar belakang dan disiplin telah mengambil bahagian, menyumbangkan ekspresi seni mereka dalam pelbagai medium, termasuk lukisan, arca dan video.

Pemenang ASM *ArtScience™ Prize* 2022 akan menerima RM20,000, sijil/plak dan penempatan residensi. Anugerah *Rising Star* akan menerima RM10,000, sijil/plak dan penempatan residensi, manakala Anugerah Pilihan Awam pula akan menerima RM5,000 dan sijil/plak.

Untuk tahun kedua, Maybank Foundation muncul sebagai penaja utama untuk Pameran ASM *ArtScience™ Prize* 2022. Rakan kongsi sokongan yang lain termasuklah Balai Seni Negara, Multimedia University, Monash University Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Yayasan TM dan Toccata Studio.

Pameran ASM *ArtScience™ Prize* 2022 mempersembahkan karya seni 23 finalis yang bertemakan “Kesihatan Planet melalui Lensa *ArtScience™*.” Pameran ini dibuka setiap hari bermula 19 Jun hingga 7 Julai 2023 di Balai Seni Maybank, Kuala Lumpur, dari jam 10 pagi - 5 petang. Tiada bayaran masuk dikenakan.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

4 Julai 2023



Kit Media :

<http://bit.ly/ASMArtSciencePrize2022>

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat Akademi Sains Malaysia

Najib Mohd Idris

najib@akademisains.gov.my

(+6019 303 7847)